



**KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI**  
**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Rujukan : UPNM(P)01.03/06 (36)  
Tarikh : 11 November 2013

Semua Staf,  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,  
Kem Sungai Besi,  
Kuala Lumpur.

YBhg. Dato'/Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan,

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 7 TAHUN 2013**  
**LARANGAN PENGLIBATAN DALAM POLITIK**  
**KE ATAS PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI DAN PEGAWAI KUMPULAN**  
**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

---

## **1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor Bil. 3 Tahun 2013 yang telah bersidang pada 24 April 2013 berhubung Larangan Penglibatan Dalam Politik Ke Atas Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi Dan Pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional seperti mana yang telah termaktub di dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

## **2.0 PENGENALAN**

- 2.1 Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui surat edaran bertarikh 6 April 2009 telah menekankan berhubung Larangan Penglibatan Dalam Politik Ke Atas Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi Dan Pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional.

- 2.2 Pihak Kerajaan memandang serius berhubung penglibatan pegawai kerajaan dalam kumpulan berkaitan dalam bidang politik di mana penglibatan tersebut bertentangan dengan prinsip *neutrality* dan *impartiality* dalam perkhidmatan awam dan boleh membawa suasana tidak harmoni di tempat kerja.
- 2.3 Demi menjaga imej dan kredibiliti Universiti Pertahanan Nasional Malaysia sebagai universiti awam, Pegawai yang berkhidmat di Universiti ini mestilah sentiasa memegang teguh prinsip berintegriti demi memastikan pelaksanaan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan kepada mereka adalah untuk kepentingan awam. Ini adalah bagi mengelakkan syak wasangka orang awam terhadap kejujuran dan kesungguhan dalam menjalankan tugas.
- 2.4 Larangan ini adalah selaras dengan **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993** dan juga **Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]** yang telah memperuntukkan larangan mutlak yang perlu dipatuhi oleh pegawai awam.

### **3.0 LARANGAN PENGLIBATAN DALAM POLITIK**

- 3.1 Pegawai Universiti Pertahanan Nasional Malaysia hendaklah sentiasa mengamalkan sikap berkecuali atau tidak memihak kepada mana-mana parti politik dan tidak melanggar larangan yang terkandung di dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].
- 3.2 Larangan dalam kegiatan politik yang dimaksudkan adalah seperti berikut:
  - i. Seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional tidak boleh mengambil bahagian aktif dalam aktiviti politik atau memakai apa-apa lambang sesuatu parti politik, dan khususnya, dia tidak boleh —
    - (a) membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis, yang memberikan suatu pandangan yang berat sebelah tentang apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti-parti politik;

- (b) menerbitkan atau mengedar apa-apa bahan yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah atau pandangan orang lain, tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan mana-mana parti politik;
  - (c) terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri atau apa-apa pemilihan untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
  - (d) bertindak sebagai ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundi atau atas apa-apa sifat untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri;
  - (e) bertanding untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
- atau
- (f) memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.
- 3.3 Walau bagaimanapun, seseorang pegawai yang telah dibenarkan bercuti hingga ke tarikh persaraannya bagi maksud menghabiskan cutinya yang terkumpul boleh mengambil bahagian dalam aktiviti politik jika;
- a) Seseorang pegawai itu telah terlebih dahulu **mendapatkan kelulusan bertulis Lembaga Pengarah Universiti** untuk berbuat demikian **tidak kurang tiga (3) bulan** sebelum tarikh pegawai dibenarkan bercuti; dan
  - b) Dengan penglibatan sedemikian dia tidak melanggar peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972.
- 3.4 Walau bagaimanapun, Peraturan 20(5) Peraturan Tatakelakuan dibawah Akta 605: Akta Badan Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 menjelaskan bahawa tiada apa-apa dalam peraturan ini yang boleh menghalang seseorang pegawai dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional daripada menjadi anggota biasa mana-mana parti politik.

- 3.5 Selain itu, pegawai Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dari Kumpulan Pelaksana (Gred 1 hingga 40) pula boleh bergiat aktif dalam pertubuhan politik dan dibenarkan bertanding atau memegang jawatan atau dilantik bagi memegang apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik **setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Lembaga Pengarah Universiti.**
- 3.6 Pegawai yang didapati ingkar terhadap peraturan ini, tindakan tatatertib akan dikenakan mengikut **Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].**

#### **4.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

#### **5.0 RUJUKAN**

- 5.1 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, [P.U.(A) 395];
- 5.2 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605];
- 5.3 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1996 mengenai Permohonan oleh Pegawai-Pegawai Awam untuk Mengambil Bahagian Dalam Politik.

**“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”**

Yang benar,

  
**PROF MADYA DR BIBI ZARJAAN BINTI AKHBAR KHAN**

Pendaftar

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

- s.k    Naib Canselor  
      TNC Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa  
      TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni  
      TNC Penyelidikan dan Inovasi  
      TNC Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat  
      Pegawai - Pegawai Kanan  
      Dekan – Dekan Fakulti  
      Pengerusi GPTI  
      Pengerusi NADIMASA  
      Pengerusi KESUPNA